

Seni Pembuatan Kereta Lembu Melaka: Warisan Kearifan Tempatan

The Art of Making Bullock Carts in Melaka: Heritage of Local Wisdom

NORAZLINA OTHMAN, ZANISAH MAN

ABSTRAK

Kemasyhuran Melaka sebagai pusat perdagangan dunia semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka telah membawa kepada pengenalan kereta lembu di negeri ini. Kenderaan ini pada awalnya digunakan dalam aktiviti pertanian tradisional dan urusan mengangkut hasil tanaman untuk diperdagangkan. Kini, keunikan dan nilai warisan yang terdapat pada kereta lembu ini menjadikannya lambang warisan budaya negeri Melaka disebabkan struktur dan ciri-ciri binaannya yang sarat dengan falsafah dan nilai tradisi masyarakat Melayu. Makalah ini mengenal pasti seni pembuatan kereta lembu sedia ada di Melaka dan menilai keunikannya untuk diketengahkan sebagai warisan kearifan tempatan. Makalah ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual bersama responden kajian yang terdiri daripada individu yang mempunyai pengalaman, kepakaran dan kemahiran dalam membuat kereta lembu serta penelitian terhadap beberapa dokumen yang terpilih bagi melihat perbandingan. Lokasi kajian adalah di Kampung Balik Bukit dan Kampung Tambak Bugis di daerah Melaka Tengah yang menempatkan generasi pewaris seni pembuatan kereta lembu. Kajian mendapati bahawa kereta lembu pada masa sekarang mempunyai struktur binaan yang cantik dan menarik berbanding pada zaman dahulu kerana telah melalui pelbagai inovasi penciptaan. Pembaharuan yang dibuat antaranya penggunaan besi bagi struktur kerangka kajang berbanding dahulu menggunakan buluh. Pengubahsuaian struktur dalaman peti atau badan kereta lembu dengan menambah keluasan dan meletakkan ruang tempat duduk penumpang di kiri dan kanan peti kerana bersesuaian dengan fungsi kereta lembu kini membawa penumpang berbanding dahulu hanya membawa muatan barangan. Antara kriteria penting dalam menghasilkan kereta lembu yang unik ialah gabungan falsafah, kemahiran dan kepakaran pengusaha tempatan yang menterjemahkan warisan budaya tersebut dalam seni pembuatan struktur rangka badan dan bahan binaan kenderaan ini. Keupayaan memilih dan melatih baka lembu terbaik daripada jenis baka lembu kampung, lembu baka Kedah-Kelantan atau baka kacukan Siam amat penting bagi menjamin ketahanan membawa dan menarik barang muatan. Kepandaian masyarakat tempatan dalam menghasilkan kereta lembu yang unik dan menarik inilah merupakan satu bentuk nilai intelektual yang tinggi yang harus dilestarikan sebagai warisan kearifan tempatan.

Kata kunci: Kereta lembu; keunikan; pembuatan; warisan; kearifan tempatan

ABSTRACT

Malacca's fame as a world trade centre since the time of the Malacca Malay Sultanate has led to the introduction of bullock carts in this state. These vehicles were initially used in traditional agricultural activities and transporting crops for trade. Now, the uniqueness and heritage value found in this bullock cart makes it a symbol of the cultural heritage of the state of Melaka due to its structure and building characteristics that are loaded with the philosophy and traditional values of the Malay community. This paper identify the existing art of making bullock carts in Melaka and evaluate its uniqueness to be highlighted as a heritage of local wisdom. This study uses a qualitative approach by using the method of interviews with study respondents consisting of individuals with experience, expertise and skills in making cattle carts, as well as researching some selected documents to see comparisons. The location of the study is around Kampung Balik Bukit and Kampung Tambak Bugis in the Central Melaka district, which houses generations of heirs to the art of making bullock carts. The study found that bullock carts today have an attractive construction structure compared to the past because they have gone through various innovation creations. The process of innovation on the structure of the bullock cart includes using iron for the structure of the kajang frame instead of using bamboo before. Modifying the internal structure of the box or the body of the bullock cart is done by increasing the area and placing the passenger seating space on the left and right of the box. It is because compatible with the function of the bullock cart now carrying passengers instead of only carrying a load of goods. Among the essential criteria in producing a unique cattle cart is the combination of philosophy, skills and expertise of local entrepreneurs who

translate the cultural heritage into the art of manufacturing this vehicle's body structure and building materials. The ability to select and train the best breed of cattle from village cattle, Kedah-Kelantan cattle or Siamese crossbreeds is essential to guarantee the durability of carrying and pulling cargo. The ingenuity of the local community in producing unique and exciting bullock carts is a form of high intellectual value that should be preserved as a heritage of local wisdom.

Keywords: Bullock carts; uniqueness; manufacturing; heritage; local wisdom

PENGENALAN

Kereta Lembu merupakan pengangkutan tradisional yang pernah popular pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pada masa tersebut, kereta lembu merupakan sebuah kenderaan yang digunakan bagi mengangkut barangan mahu pun penumpang dari satu destinasi ke satu destinasi di sekitar Melaka. Pengangkutan tradisional ini telah diperkenalkan oleh para pedagang yang menjalankan aktiviti perdagangan di Tanah Melayu. Sebelum wujudnya kereta lembu, pengangkutan tradisional utama masyarakat Melayu adalah melalui denai dan jalan dalam hutan dengan berjalan kaki (Shukor 2007). Kemudian pedagang daripada luar ini telah membawa masuk haiwan dijadikan sebagai tunggangan. Maka, pengangkutan awal masyarakat pada suatu masa dahulu adalah kenderaan yang berbentuk tunggangan seperti kereta lembu, kuda dan gajah. Kereta lembu telah mula dibawa masuk ke Melaka dari India sekitar tahun 1830-an dan dikendalikan oleh tentera yang datang dari India khususnya dari Benggala dan Madras (Abdul Khalid 1979). Bagi tujuan ini lembu yang diperlukan adalah yang besar dan kuat. Menurut catatan Abdullah Munshi yang menyebutkan;

‘Kemudian datang pula sebuah kapal membawa beratus-ratus lembu bertanduk panjang serta dengan tinggi besarnya yang belum pernah dilihat oleh orang Melaka iaitu membuat tarik kereta-kereta dan segala perkakas perang dan meriam dan sebagainya. Maka orang Melaka semuanya hairan sebab itu, sehingga segala kanak-kanak di Melaka itu apabila melihatnya lembu itu maka bersoraklah ia katanya lembu tanduk panjang’
Abdul Khalid (1979)

Noor Azimah & Fairus (2021), ada teori yang menyatakan kereta lembu telah diperkenalkan sewaktu zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Teori ini diperkukuhkan lagi apabila pedagang dari Benua India yang datang berlabuh kapal ke Pelabuhan Melaka membawa sekali lembu. Seterusnya memperkenalkan kereta lembu. Kereta yang dibawa dan diperkenalkan oleh pedagang India ini kemudiannya digunakan sebagai pengangkutan utama dalam mengangkut

barang dagangan ke pelabuhan. Kemudian kereta lembu ini turut digunakan apabila jalan darat telah mula dibuka bagi aktiviti pertanian tradisional di mana kereta lembu ini berfungsi sebagai sistem pengangkutan tradisional yang utama khususnya dalam urusan membawa keluar hasil pertanian untuk tujuan perdagangan. Setelah itu, kereta lembu telah berfungsi dalam sistem penanaman tradisional seperti aktiviti membajak sawah dan menggembur tanah untuk penanaman (Nazneen Ismail & et al. 2021). Kemajuan aktiviti pertanian telah membawa kepada perkembangan pesat sistem pengangkutan ini.

Kegemilangan empayar Kesultanan Melayu Melaka telah merencanakan aktiviti perdagangan khususnya di perairan Selat Melaka. Pada waktu inilah ekonomi negeri Melaka semakin rancak dan menjadi tumpuan dunia. Situasi ini turut memberi kesan kepada aktiviti pertanian tradisional dalam kalangan masyarakat tempatan apabila turut mengalami perkembangan. Sekali gus, menyebabkan penggunaan kereta lembu semakin meningkat khususnya dalam kalangan petani Melayu yang menjalankan aktiviti pertanian tradisional di kawasan kampung (Noor Azimah & Fairus 2021). Selari dengan perkembangan zaman, fungsi dan peranan kereta lembu telah mengalami perubahan. Jika dahulu hanya bertumpu untuk membawa hasil pertanian tetapi kini telah mula membawa barangan keperluan dan penumpang sekitar tahun 1960-an dan 1970-an (Abdul Khalid 1979). Kereta lembu juga berperanan dalam aktiviti seni dan budaya khususnya sewaktu Temasya Mandi Safar di Melaka di sekitar Pantai Puteri, Klebang Melaka (Borhan Md Yaman 1989). Semasa temasya ini kita dapat saksikan deretan kereta lembu turut memeriahkan perayaan ini dengan membawa kumpulan Dondang Sayang untuk berhibur.

Meniti peredaran zaman, kini kereta lembu semakin hilang daripada pandangan dan hanya ditonjolkan dalam Pesta Seni dan Budaya yang memerlukan perarakan kereta lembu atau kereta lembu berhias. Permintaan untuk membuat kereta

lembu juga semakin berkurangan dan tidak lagi menjadi satu keperluan pada masa kini. Bagi menghasilkan sebuah kereta lembu memerlukan kemahiran dan kepandaian yang tinggi khususnya dalam bidang pertukangan. Nilai keintelektualan dalam seni pembuatan kereta lembu ini amat tinggi dan ia diwarisi daripada generasi terdahulu yang sememangnya bijak pandai tanpa menggunakan peralatan teknologi moden tetapi berjaya menghasilkan sebuah kereta lembu yang cantik dan baik. Justeru itu, seni pembuatan kereta lembu ini boleh diangkat sebagai warisan kearifan tempatan.



GAMBAR 1. Kereta Lembu Melaka pada masa sekarang
Sumber: Kajian Lapangan

SOROTAN KAJIAN

Nurul Izzati et al. (2015) mengatakan bahawa ada pembuktian yang mengatakan masyarakat Melayu silam sering melakukan pergerakan dari satu tempat ke satu tempat yang berlainan sama ada dengan kaedah berjalan kaki atau menggunakan khidmat haiwan. Haiwan yang sering melatari sejarah masyarakat silam adalah seperti gajah, kerbau, kuda dan lembu. Pergerakan kenderaan tunggangan seperti kereta lembu, kerbau, gajah dan kuda sebelum kurun ke-20 agak terbatas disebabkan oleh permukaan jalan pada waktu ini sering diseliputi lumpur. Selain itu, jalan darat ini terdedah kepada halangan semula jadi seperti paya, sungai dan lain-lain (Mohd Zulfadli bin Md Maarof et al. 2017).

Nurul Izzati et al. (2015) turut menyatakan bahawa dalam latar kehidupan masyarakat Melayu sebelum kemasukan kuasa kolonial, memperlihatkan kekurangan kemudahan sama ada untuk ekonomi atau kehidupan sosial harian. Haiwan kerap digunakan dalam usaha untuk

kelangsungan dan kebergantungan hidup. Dalam Kerajaan Melayu Melaka, perkhidmatan haiwan digunakan sebagai medium pengangkutan (Abdul Khalid 1979). Sejarah kewujudan kenderaan yang berasaskan tunggangan adalah berasal daripada sejenis pengangkutan yang dipanggil bentang. Kenderaan bentang tidak mempunyai roda dan ditarik oleh haiwan seperti kerbau atau lembu dan sering digunakan untuk mengangkut barang pertanian seperti padi, kayu api dan lain-lain.

Pada zaman kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka lingkungan tahun 1,400 hingga 1,511, Sejarah Melayu ada menyebut lembu sebagai kenderaan diraja (Abdul Khalid 1979);

Maka oleh Raja Aftabu 'I-Ardh diberinya seekor lembu yang amat putih, seperti perak yang terupam warnanya; maka ketiga anak raja itupun naiklah ke atas lembu itu, lalu berjalanlah keluar.

Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka sebagai pusat perdagangan dunia adalah sekitar abad ke-15. Pada masa ini pelabuhan Melaka menjadi pusat tumpuan dunia sekali gus menarik kehadiran pedagang (Abd Aziz A'zmi & Farrah Wahida 2020). Ramai pedagang dari seluruh pelusuk dunia berkunjung ke negeri ini untuk menjalankan aktiviti perdagangan secara tidak langsung mereka membawa bersama budaya negara masing-masing masuk ke negeri ini melalui proses asimilasi. Kenyataan di atas dapat diperkukuhkan lagi apabila Abdullah Munsyi dalam Abdul Khalid (1979) memperihalkan bahawa kereta lembu telah di bawa masuk ke Melaka dari benua kecil India. Maka dapatlah dikatakan yang kereta lembu yang digunakan oleh petani Melayu di Melaka ini bukanlah berasal dari negeri ini tetapi telah dibawa dari negara luar. Kenderaan ini berkembang dan berasimilasi dengan kehidupan masyarakat di sini mulai tahun 1830-an. Abdul Khalid (1979), kenderaan ini semakin pesat digunakan menjelang abad ke-20 selaras dengan perkembangan pembinaan jalan raya yang dibawah pemerintahan kolonial Inggeris.

Selain negeri Melaka, negeri berhampiran seperti Negeri Sembilan, Johor, Perak dan Selangor turut menggunakan kereta lembu sebagai sistem pengangkutan tradisi utama mereka dalam kegiatan pertanian tradisional terutama dalam kalangan masyarakat tempatan (Abdul Khalid 1979). Walau bagaimanapun, penggunaan kenderaan ini adalah terhad dan tidak seperti di negeri Melaka. Ini kerana negeri Melaka adalah

pusat perdagangan dunia yang sering menjadi tumpuan dalam aktiviti perdagangan dan pertanian. Justeru itu, tidak dapat dinafikan bahawa bilangan kereta lembu banyak di Melaka berbanding negeri lain. Ini bersandarkan jua kepada beberapa faktor lain yang turut menyumbang antaranya dari aspek sosial, Melaka adalah pusat peradaban sejarah, warisan dan budaya dunia. Kereta lembu adalah lambang warisan budaya negeri Melaka. Manakala daripada aspek geografi pula bentuk muka bumi di negeri ini yang berbentuk landai dan rata memudahkan lagi laluan kereta lembu ini. Maka tidak hairanlah atas faktor-faktor inilah yang menyumbang kepada banyaknya kereta lembu di Melaka (Abdul Khalid 1979).

Sementara itu, Mohd Kassim (1982) menyatakan kereta lembu yang dihasilkan pada masa dahulu lebih berfungsi untuk mengangkut muatan barang-barang dan adakalanya membawa penumpang. Oleh itu struktur rekaannya lebih bertumpu kepada kekuatan dan ketahanan kenderaan ini dan rekaannya juga tidaklah begitu menarik seperti zaman sekarang. Keadaan ini ditambahkan lagi dengan laluan kereta lembu ini penuh berliku, tidak rata serta perlu menyusuri di tepi sungai atau pantai menyebabkan aspek kekukuhan kenderaan ini menjadi keutamaan. Menurut Ramli Ahmad (1998), dahulu penggunaan tenaga haiwan banyak digunakan untuk membawa bebanan dan muatan barang tetapi kuantiti barangan yang dibawa terhad kerana mengikut kemampuan haiwan tersebut. Bebanan yang berat adalah tidak praktikal untuk haiwan kerana dikhuatiri boleh menjejaskan pergerakan haiwan ini. Akibat perkembangan semasa, inovasi pembaharuan telah dijalankan dengan membuat perubahan ke atas kerangka asas kenderaan ini apabila menggabungkan haiwan seperti kuda, lembu dan gajah pada sebuah kerangka seperti kereta yang mempunyai tayar. Seterusnya penggunaan kenderaan ini terus berkembang dengan pesat.

Kemahiran dan kepandaian dalam menghasilkan kereta lembu yang kukuh dan berdaya tahan dalam kalangan masyarakat tempatan pada masa dahulu inilah yang dinamakan sebagai kearifan tempatan. Seni pembuatan kereta lembu ini memerlukan seni pertukangan yang halus dan penuh dengan ketelitian. Kepandaian dalam kalangan masyarakat tempatan khususnya pengusaha kereta lembu ini diperolehi melalui warisan turun temurun. Justeru itu, kemahiran dalam seni pertukangan kereta lembu Melaka

ini diangkat sebagai warisan kearifan tempatan. Muhammad Yusri dan Mohd Anuar Ramli (2020) menyatakan bahawa kearifan tempatan mempunyai pelbagai istilah antaranya kepandaian tempatan, keilmuan tempatan, keintelektualan yang istimewa dan lain-lain lagi. Terminologi 'kearifan' adalah berasal daripada perkataan arif yang bermaksud pengetahuan mendalam mengenai sesuatu perkara dan menjadi perlambangan kebijaksanaan individu. Dua pembahagian jenis kearifan tempatan yang pertama ia adalah nyata yang dapat dilihat, dirasa seperti teks tradisi, rumah-rumah tradisi, seni bina lama dan simbol budaya. Keduanya, yang tidak nyata yang tidak boleh dilihat seperti petua, pantang larang, nasihat dan lain-lain

Muhammad Yusri dan Mohd Anuar (2020) juga menyatakan, keilmuan tempatan adalah ilmu kepandaian yang dimiliki oleh masyarakat tempatan atau ilmu tradisional masyarakat asal di mana keberkesanannya telah dapat dibuktikan dan diperturunkan daripada satu generasi ke generasi yang seterusnya. Kedua-dua istilah ini mempunyai konotasi yang sama yang biasanya merujuk kepada bidang pertukangan atau seni bina serta perubatan. Kearifan dan kepandaian tempatan ini juga adalah budaya yang dimiliki oleh masyarakat tempatan dalam berhadapan dengan kemajuan pembangunan. Muhammad Yusri dan Mohd Anuar Ramli (2020) juga memberi tafsiran bahawa kearifan tempatan adalah satu bentuk kecemerlangan dari segi aspek budaya yang menjadi rujukan masyarakat serta diperolehi secara pewarisan daripada masyarakat terdahulu yang mana ia bersifat praktikal dan dinamik berdasarkan pengalaman masyarakat dahulu. Kearifan tempatan bersifat praktikal yang melingkari dalam kehidupan masyarakat tempatan hasil daripada kebiasaan dan diwarisi daripada satu generasi ke generasi.

Kereta lembu adalah ikon warisan budaya negeri Melaka dan seni pertukangan dalam membuat kenderaan tradisi ini adalah warisan kearifan tempatan, maka apabila digabungkan keduanya akan menambahkan lagi kekukuhan ikon warisan ini sebagai produk pelancongan di bawah sub-sektor pelancongan warisan budaya. Secara tidak langsung akan merancakkan lagi industri pelancongan warisan budaya negeri ini. Er Ah Choy et al. (2014) pula merujuk kepada sektor pelancongan, kepelbagaian sub sektor memainkan peranan yang penting bagi menarik minat pelancong berkunjung ke sesebuah destinasi. Pelancongan yang berteraskan warisan adalah

satu tarikan utama pelancong ke sesuatu tempat. Melaka seperti yang dikenali dunia adalah negeri yang kaya dengan khazanah warisan, sejarah dan budaya. Sub sektor pelancongan warisan ini telah membawa kepada pembangunan dan seterusnya merancakkan ekonomi di negeri Melaka. Kemerdekaan sektor pelancongan negeri Melaka antaranya disebabkan oleh sektor pelancongan warisan negeri ini.

Sementara itu, Pirasanah & Rahimah (2021) menyatakan bahawa pelancong yang tergolong dalam sub sektor pelancongan warisan ini kebiasaannya terdiri daripada pencinta sejarah dan warisan. Matlamat atau tujuan melancong bukan sekadar ingin menghayati warisan sejarah tetapi lebih kepada pengkajian, penerokaan dan menelusuri warisan dan sejarah sesuatu tempat atau peninggalan sejarah yang masih wujud. Monumen, artifak, seni bina, tapak sejarah merupakan elemen warisan ketara yang sering menjadi tumpuan. Selain itu, elemen warisan tidak ketara seperti warisan kesusasteraan turut menjadi pilihan pelancong warisan. Sektor pelancongan warisan ini begitu popular dalam kalangan pencinta sejarah dan warisan yang kebiasaannya terdiri para pengkaji budaya. Mohd Samsudin & Sulong Mohamad (2013), pelancongan warisan adalah apresiasi dan gambaran terhadap lanskap budaya masyarakat setempat pada masa yang lalu. Justeru itu, adalah penting produk warisan ini dipelihara dan dipelihara untuk tatapan generasi yang akan datang. Pelancong ingin merasai sendiri pengalaman berada di zaman silam seperti dalam gambaran sejarah. Usaha pemeliharaan ini perlu terus dilestarikan kerana inilah faktor penarik pelancong berkunjung ke satu tempat. Penarafan bandaraya Melaka sebagai Bandaraya Warisan Dunia oleh Badan Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2008 merupakan komitmen yang tinggi pihak yang berkepentingan dalam memastikan produk warisan budaya ini diangkat martabatnya ke peringkat yang lebih tinggi dan berprestij.

Pelancongan yang tergolong dalam kategori sub sektor budaya dan warisan meliputi warisan ketara atau warisan yang boleh dilihat seperti bangunan warisan, monumen atau artifak sejarah. Warisan tidak ketara pula adalah warisan yang tidak boleh dilihat seperti bahasa, kesenian dan lain-lain yang boleh dinikmati melalui pengalaman serta penghayatan. Melaka sebagai Bandar Warisan Dunia harus diteroka dalam dua skop yang berbeza iaitu melihat secara realiti, merasai pengalaman dan menghayatinya. Sebagai contoh, pengalaman

menaiki beca dan kereta lembu tradisi adalah sebuah pengalaman yang amat berharga yang perlu dihayati oleh para pengunjung. Ini adalah antara daya tarikan pelancongan negeri Melaka yang utama. Dalam memastikan produk warisan budaya ini terus kekal terpelihara, usaha penambah baik harus ditingkatkan supaya produk warisan ini tidak menjadi sebagai warisan yang ditinggalkan (Nikmatul et al. 2013).

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah secara kualitatif dan mengguna pakai beberapa kaedah pengumpulan data seperti kajian lapangan dan kajian perpustakaan. Kajian ini mengambil beberapa sumber yang terpilih bermula daripada tahun 1930 sehingga yang terkini untuk dibuat penelitian dan perbandingan. Selain menemu bual responden yang mempunyai penglibatan secara langsung dalam pembuatan kereta lembu ini. Kajian ini dijalankan di Kampung Balik Bukit dan Kampung Tambak Bugis di daerah Melaka Tengah yang menempatkan generasi pewaris pembuatan kereta lembu. Pemilihan responden kajian ini adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman, kemahiran dan kepakaran dalam bidang ini seperti pengusaha veteran kereta lembu yang mempunyai pengalaman yang luas dalam pembuatan kereta lembu tetapi tidak lagi bergiat atas faktor keuzuran serta pengusaha generasi baharu yang mewarisi kemahiran membuat kereta lembu daripada keluarga dan masih bergiat aktif dalam mengusahakan kereta lembu.

DAPATAN KAJIAN

KEUNIKAN KERETA LEMBU MELAKA

Kereta lembu adalah warisan pengangkutan tradisional negeri Melaka. Sejarah kereta lembu telah bermula dianggarkan tahun 1830-an lagi. Pada awalnya kenderaan ini dimiliki oleh golongan berada seperti ketua kampung, Tuk Sidang dan penghulu kerana harganya yang mahal. Namun setelah sistem pertanian tradisional telah mula berkembang pesat menjelang abad ke-20 penggunaan kereta lembu ini telah mula dipertingkatkan khususnya dalam kalangan masyarakat petani di Melaka. Melaka adalah antara negeri yang mengangkat kereta lembu sebagai ikon pengangkutan tradisional. Sehingga ke tahun 1970-an kereta lembu mempunyai fungsi yang

penting dalam aspek pembangunan negeri Melaka meliputi aspek ekonomi dan sosio budaya. Antara fungsi kereta lembu adalah sebagai kenderaan yang digunakan dalam sektor perdagangan dan sektor pembinaan jalan raya Noor Azimah & Fairus (2021).

Manakala daripada aspek budaya, kenderaan ini sering digunakan dalam Temasya Mandi Safar yang diadakan setahun sekali pada setiap bulan Safar dan diraikan oleh masyarakat tempatan (Borhan Md Yaman 1989). Dalam temasya ini, dapat dilihat kemeriahan kereta lembu yang datang dari seluruh pelusuk Melaka serta kumpulan Dondang Sayang turut berada dalam kereta lembu ini untuk memeriahkan temasya ini dengan masing-masing mendendangkan nyanyian Dondang Sayang secara berselang seli dalam pesta ini. Berasaskan penelitian penulis terhadap dokumen daripada tahun 1930-an sehingga kini dapat dirungkaikan bahawa kereta lembu ini mempunyai keunikannya yang tersendiri sehingga telah diangkat sebagai ikon warisan budaya negeri Melaka. Keunikannya dapat diterjemahkan dari segi struktur reka bentuknya, ciri-ciri binaannya, falsafah yang tersirat di sebalik seni binanya, sumber bahan mentah yang digunakan serta kekukuhan binaannya tanpa menggunakan sebatang paku di samping kearifan masyarakat tempatan yang menghasilkannya.

Merungkai mengenai keunikan kereta lembu Melaka ini hasil daripada pengamatan penulis terhadap rujukan dokumen, membawa kita menelusuri satu demi satu keistimewaan kenderaan tradisi ini. Kerangka reka bentuk kereta lembu jika diamati menunjukkan ciri-ciri seperti sebuah rumah Melayu. Kajang sebagai bumbung rumah, peti bertindak sebagai ruang tengah rumah dan gandar adalah tiang yang menguatkan kereta ini. Pertama uniknya kereta lembu adalah daripada struktur kerangka kenderaan ini yang bercirikan kemelayuan dan sarat dengan budaya dan tradisi orang Melayu. Struktur dan ciri-ciri binaan bumbung atau dikenali sebagai kajang berbentuk seperti bumbung rumah Melayu yang mendatar dan ada juga berbentuk melentik seakan mirip bumbung rumah Minangkabau. Reka bentuk ini bergantung kepada kreativiti pemilik kenderaan. Kemudian struktur reka bentuk badan atau peti dan roda kereta lembu dicipta khas bagi menempatkan barang pada masa dahulu dan kini fungsinya lebih kepada membawa penumpang. Keduanya, sumber bahan mentah kenderaan ini bermula daripada

bumbung sehingga ke roda semuanya menggunakan bahan asas tradisional sumber daripada hutan seperti buluh, daun nipah, rumbia dan mengkuang serta pelbagai jenis pokok kayu. Semua bahan ini mempunyai daya ketahanan yang tinggi sehingga membuatkan kereta lembu ini mampu digunakan dalam tempoh yang lama. Ketiga, uniknya kereta lembu ini dihasilkan tanpa menggunakan sebarang paku dalam pembuatannya dan hanya menggunakan pasak. Walau tidak menggunakan sebarang paku tetapi ternyata kekukuhan kereta lembu ini tidak boleh dipertikaikan kerana mampu membawa bebanan hingga melebihi 5,000 kilogram. Keempat, keunikan dalam seni pembuatan kereta lembu ini adalah istilah pada bahagian kereta lembu ini yang penuh dengan nilai falsafah Melayu antaranya istilah kajang yang bererti bumbung. Istilah ini juga sering dikaitkan dengan pantun Melayu;

Kajang Pak Malau kajang berlipat,
Kajang hamba mengkuang layu;
Dagang Pak Malau dagang bertempat,
Dagang hamba musafir lalu.

Shamsudin Abdul (2022), seorang pengusaha kereta lembu di negeri ini menyatakan bahawa pantun di atas memberi perlambangan mengenai status sosial masyarakat. Golongan yang berada atau atasan mempunyai kemampuan untuk memiliki atau membuat kajang atau bumbung yang cantik, menarik dan mahal nilainya manakala rakyat biasa hanya mampu memiliki kajang yang biasa dan murah nilainya. Tafsiran yang boleh dirangkum di sebalik pembuatan kereta lembu ini tersirat dengan makna yang tersendiri. Selain itu, istilah lain yang penuh dengan melankolik seperti lansing, checawi, simpai, tutup embun, kayu bom, gegantang yang merupakan bahagian kecil dalam roda atau gandar. Bahagian di dalam peti atau badan juga mempunyai istilah yang unik seperti gelegar, jerejak, mampisang, peti pak, bendul dan lain-lain. Keunikan istilah ini menunjukkan kearifan dan kepandaian masyarakat Melayu dahulu. Inilah perlambangan nilai intelektual masyarakat dahulu yang sarat dengan nilai estetika. Justeru itu, inilah keindahan dan keaslian yang terdapat pada sebuah kereta lembu Melaka.

Menjelang tahun 1980an kereta lembu telah dijadikan sebagai produk pelancongan warisan negeri ini, secara tidak langsung telah dapat

meningkatkan ekonomi sektor pelancongan Melaka. Keunikan yang ada pada kereta lembu inilah menyebabkan ia diangkat sebagai ikon pelancongan. Melalui aktiviti seni, budaya dan pelancongan di negeri Melaka ini berupaya mengangkat kembali kegemilangan kereta lembu Melaka serta dalam masa yang sama dapat memastikan warisan budaya tradisi ini terus kekal terpelihara.

PEMBUATAN KERETA LEMBU MELAKA

Kereta Lembu merupakan nama khas bagi kenderaan pengangkutan yang mempunyai dua komponen iaitu kereta dan haiwan (lembu). Kereta lembu ini mempunyai kerangka seperti sebuah kotak segi empat dan berbumbung atap yang dikenali sebagai kajang. Kerangka ini diperbuat daripada kayu beroda dua di kiri dan kanan badan kotak tersebut. Manakala lembu yang digunakan adalah lembu yang khusus dipelihara bagi menarik kereta atau bertindak sebagai enjin kereta. Justeru itu, takrifan kereta lembu adalah kereta yang ditarik oleh lembu. Bentuk kereta lembu Melaka boleh dikatakan menyerupai “wagon” di Amerika pada zaman dahulu yang ditarik oleh kuda. Kereta lembu ini mempunyai dua buah roda yang berbingkai bulat berjari-jari yang dipasang pada gandar dan boleh berpusing. Ciri-ciri yang membezakan kereta lembu Melaka ini dengan negeri lain adalah bumbungnya yang berbentuk seperti tanduk lembu yang berwarna-warni (Noor Azimah & Fairus 2021).

Kereta lembu pada dasarnya terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu gandar (roda), peti (badan) dan bumbung (kajang). Setiap satu bahagian ini mempunyai fungsi yang tertentu. Kereta lembu pada masa sekarang mempunyai struktur binaan yang cantik dan menarik berbanding pada zaman dahulu kerana telah melalui pelbagai inovasi penciptaan (Mohd Kassim 1982). Menelusuri struktur dalam binaan kereta lembu ini penuh dengan keunikan yang tersendiri. Bahagian pertama adalah gandar atau roda yang berfungsi sebagai jentera utama dalam menggerakkan kereta lembu dan merupakan bahagian paling penting dalam kereta lembu. Sulaiman Manan (2022), seorang pembuat kereta lembu di Kampung Balik Bukit, Melaka mengatakan, bahagian kereta lembu yang paling sukar untuk dihasilkan ialah roda yang mana pada bahagian ini memerlukan penelitian yang mendalam. Jika bahagian ini tidak

dibuat dengan betul dan tepat berkemungkinan timbulnya kerosakan dan rodanya tidak berfungsi. Bahagian ini mengambil masa yang agak lama kerana proses pembuatannya amat rumit.



RAJAH 1. Struktur Binaan Kereta Lembu

Sumber: Buku Khazanah Warisan Kereta lembu Melaka

Pada bahagian gandar ini terdiri daripada tiga komponen utama seperti kayu pasang, bantal balak dan roda. Bahagian kecil yang lain pula seperti besi pasang, tali pasang, besi tol, besi kepala, lansing, tali brek, tetupai, checawi dan kayu bom. Pada bahagian tersebut, terdapat tujuh batang kayu yang disambungkan menjadi bentuk bulat. Roda terbahagi kepada beberapa bahagian, iaitu jejari, gantang, tapah, cupai dan simpai. Bahagian jejari pula mudah pecah semasa diketuk, jadi perlu dilakukan dengan berhati-hati. Proses membuat gandar bermula dengan memasang balak dan ganda-roda di bawah badan kereta lembu. Balak adalah kayu yang keras dan ganda-roda pula adalah batang besi bulat yang dipasakkan ke dalam kayu balak dan akan terjulur keluar di bahagian kiri dan kanan untuk dimasukkan gegantang. Kemudian roda besar yang mempunyai gegantang yang berlubang akan dipasangkan kepada ganda-roda dan baji akan dipasakkan di kedua-dua hujung ganda tersebut.



GAMBAR 2. Roda dan Gantang Kereta lembu
Sumber: Kajian Lapangan



GAMBAR 3. Roda, kayu bom, gantang, kayu pasang
Sumber: Kajian Lapangan

Kayu pasang pula adalah kayu melengkung yang dipikul dan ditarik oleh lembu untuk menggerakkan kereta lembu ini di mana ia berfungsi sebagai stereng kereta lembu. Komponennya terdiri daripada sebatang kayu (jenis kayu leban), besi kepala, besi pasang dan

besi tol. Seterusnya adalah bantal balak yang mengandungi blok kayu, besi cula, besi balok dan tutup embun. Fungsi bantal balak ini adalah menghubungkan kedua-dua roda kereta lembu. Terdapat lima bahagian utama dalam sebuah roda yang perlu ada sebelum roda ini dapat melakukan pergerakan di atas jalan. Sebuah roda terdiri daripada tujuh tapak yang kesemuanya diperbuat daripada kayu, besi pada bahagian luar yang menguatkan roda yang dikenali sebagai simpai luar, besi lilitan pada bahagian tengah atau simpai gantung. Roda direka khas dengan menggunakan kayu cengal atau merbau. Roda yang baik dipasangkan dengan 14 jejari daripada kayu yang sama saiznya dipasang di keliling gegantang besar. Jejari ini bertujuan menahan roda daripada bengkok atau pecah semasa perjalanan (Mohd. Kassim 1982).

Noor Azimah & Fairus (2021) merujuk 14 jejari kayu ini sebagai simbolik kepada tiga belas buah negeri dan Wilayah Persekutuan dalam Malaysia. Manakala di tengah tayar terdapat kayu tengah atau dikenali sebagai gantang yang diberikan perlambangan sebagai ibu negara. Ibu negara seperti diketahui umum memegang semua negeri yang ada, diibaratkan juga kereta lembu yang mempunyai tayar empat belas jejari ini dipegang oleh gantang supaya ia mempunyai kekukuhan yang tinggi dan boleh berputar dengan sempurna.

Keliling roda juga dilapikkan dengan simpai besi mengikut ukuran kelilingnya. Besi ini akan dipanaskan dahulu di atas bara api supaya ia mengembang kemudian dipasangkan kepada rangka roda kayu. Jika kedudukannya sudah tepat dan betul lalu disiramkan air kepada besi tersebut supaya ia akan mengecut dan mencengkam roda. Ini merupakan teknik asli yang diwarisi secara turun temurun daripada generasi terdahulu (Shamsudin Abdul 2022). Selepas roda siap dipasang, kayu lansing akan diletakkan di belakang kedua-dua roda tersebut yang bertindak sebagai penahan atau brek. Kayu yang biasa digunakan adalah kayu mahang kerana struktur kayu ini yang lembut dan kuat mencengkam roda tersebut. Lansing diikat dengan menggunakan rotan dan dililit di hujung kayu bom supaya senang dipijak oleh pemandu sewaktu hendak berhenti atau menurun bukit. Rangka yang dipasang pada lembu penarik ini menggunakan rantai khas yang diikat pada kayu gandar.



GAMBAR 4. Struktur roda kereta lembu
Sumber: Kajian Lapangan

Bahagian kedua adalah peti atau badan. Proses menyiapkan sebuah peti tidaklah sesukar seperti roda atau gandar malah ianya lebih mudah dan ringkas. Namun memerlukan kemahiran yang tinggi supaya hasilnya lebih kemas dan cantik. Pada masa dahulu kereta lembu lebih berfungsi membawa muatan barangan tetapi kini kenderaan ini lebih berfungsi membawa penumpang. Komponennya terdiri daripada bendul tepi, bendul ambang, bendul ambang belakang, empat batang gelegar (struktur lantai), enam pasang batang jerejak (struktur dinding), dua batang palang, mempisang (bahagian kiri dan kanan), peti pak (ruang penyimpanan barang), simpai bendul, papan sekat, dinding dan lantai. Reka bentuk peti atau badan kereta ini agak ringkas menggunakan kepingan-kepingan papan yang lurus seperti peti panjang yang berukuran 8 kaki panjang, 32 inci luas dan ketinggian 32 inci. Sebanyak 3 keping papan yang berukuran enam inci lebar setiap satu bertindih dan disokong oleh tiang-tiang rangka yang mempunyai saiz 2 x 3 inci. Lantainya disusun dengan menggunakan papan yang sedikit tebal daripada papan dinding. Pemandu dan pengiring barangan akan duduk di hadapan dan beban dimuatkan di bahagian belakang.



GAMBAR 5. Peti atau badan kereta lembu Melaka
Sumber: Kajian lapangan

Peti ini mempunyai kedalaman enam kaki panjang dan tiga kaki lebar. Bahagian bawah peti ini diletakkan kayu bulat panjang yang dikenali dengan nama kayu bom di mana di bahagian hadapannya di sambung dengan kayu pasang. Pemilihan jumlah kayu dalam pembuatan peti ini juga mempunyai perlambangan atau simbolik tertentu. Enam batang kayu jerejak sebagai simbolik kepada enam rukun iman manakala lima ruang antara batang kayu jerejak perlambangan kepada 5 rukun Islam serta gambaran pahlawan 5 bersaudara yang cukup sinonim di Melaka (Noor Azimah & Fairus 2021). Simbolisme ini juga menunjukkan kepandaian masyarakat tempatan zaman dahulu yang menjunjung tinggi nilai keislaman.

Kereta lembu biasanya mempunyai peti simpanan atau 'pak' di kiri dan kanan badan kereta, yang mana pak-pak ini digunakan menyimpan apa jua peralatan jika dahulu lebih kepada peralatan untuk aktiviti pertanian seperti sabit, pisau dan lain-lain. Kenderaan ini juga turut dihiasi dengan 2 buah lanting yang dinyalakan dengan menggunakan minyak api seperti pelita. Lanting ini akan digantung berhampiran kayu palang di tempat duduk pemandu. Penggunaan

cahaya ini perlu kerana kenderaan ini sering bergerak selepas waktu Subuh dalam keadaan yang gelap dan mengambil masa yang lama. Justeru itu, penggunaan lanting ini bertujuan supaya dapat menerangi laluan kereta lembu ini dan pergerakan kereta lembu ini dapat dilihat dari jauh.




GAMBAR 6. Ruang dalam badan kereta lembu Melaka
 Sumber: Kajian lapangan

bahagian ketiga adalah kajang atau bumbung. Kajang berfungsi sebagai bumbung bagi melindungi barangan dan penumpang daripada terik cahaya matahari dan ditimpa hujan. Bentuk kajang ini dicipta khusus untuk disesuaikan bersama bentuk kereta lembu ini sendiri. Rangka kajang ini mengambil rekaan bumbung rumah Melaka atau bumbung rumah Minangkabau yang bentuknya melentik. Kebiasaannya kajang ini bersaiz 58 inci lebar, 37 inci tinggi dan 14 kaki panjang. Rangka asas kajang ini adalah dua bingkai yang berbentuk tiga segi dan dibuat daripada tiga batang kayu mengkulang yang dipaku dan diikat di tiga penjuru dalam bentuk melintang. Kayu ini sesuai digunakan untuk membuat kajang kerana sifatnya yang mudah dilentur dan tahan lasak.



GAMBAR 8. Kajang kereta lembu Melaka
 Sumber: Kajian lapangan



GAMBAR 7. Peti simpanan @ Pak & Kayu palang
 Sumber: Kajian lapangan

Dalam kenyataan Sulaiman Manan (2022), pengusaha kereta lembu di Kampung Balik Bukit,

Bahan asasnya adalah daripada kayu manakala binaan daripada daun rumbia atau nipah (Mohd Kassim 1982). Komponen utama kajang adalah palang di bahagian depan dan belakang, kayu pelari tikus, kayu kepala, ekor kajang, buluh anggik yang diraut, buluh anggik luar dan mengkuang, nipah atau rumbia yang dianyam menjadi bumbung. Namun begitu, daun rumbia menjadi keutamaan kerana mempunyai ketahanan yang tinggi sehingga berpuluh tahun. Sekiranya menggunakan daun mengkuang, daun ini akan diproses seterusnya disusun sehingga rangka kajang tersebut tertutup sepenuhnya. Tambahan lagi, Samsudin Abdul (2022) menyatakan anyaman daun rumbia digunakan untuk membuat kajang kerana ianya mampu bertahan dalam jangka masa yang panjang berbanding daun nipah. Ada sebahagian kajang bentuknya seperti bumbung

melentik manakala sebahagiannya hanya mendarat. Ia bergantung kepada tahap kreativiti pembuat kereta lembu.



GAMBAR 9. Komponen kajang – daun rumbia, buluh
Sumber: Kajian lapangan

PENGGUNAAN JENIS KAYU DALAM PEMBUATAN KERETA LEMBU

Penggunaan kayu dan besi banyak digunakan dalam pembinaan kereta lembu. Kayu keras yang banyak digunakan adalah seperti kayu resak, tembusu dan kayu biasa seperti kayu pokok cempedak. Penggunaan kayu ini menjamin ketahanan dan boleh digunakan bertahun lamanya sebelum perlu diganti dengan yang baru. Sumber untuk mendapatkan kebanyakan kayu ini pada masa dahulu adalah daripada hutan. Tetapi pada masa sekarang sumber kayu ini boleh didapati di kedai kayu atau ada sebahagian kecil perlu diperolehi di dalam hutan. Berikut adalah jenis kayu yang digunakan dalam membuat kereta lembu ini. Pada bahagian badan dan tayar, kayu keras seperti resak digunakan kerana mempunyai ketahanan yang tinggi manakala untuk bumbung atau kajang pula kayu yang liat seperti kelat, membasa, mata keli, cengal ataupun cenerai digunakan kerana mempunyai sedikit 'kelembutan' bagi menampung kajang terutama ketika di jalan 'offroad'.

Manakala komponen kecil di dalam kereta lembu ini hampir kebanyakannya menggunakan bahan berasaskan kayu antaranya tetupai atau brek dibuat daripada kayu resak supaya memudahkan untuk menyelaraskan kedudukan kereta lembu ini. Seterusnya bantal balak komponen dalam gandar menggunakan kayu leban atau kayu cempedak. Kayu bom pula menggunakan kayu gesang atau

cemperai. Roda kereta lembu pula terdiri daripada kayu tembusu dan 14 buah jejari kayu terdiri daripada kayu resak. Kayu pasang juga menggunakan kayu seperti resak atau leban. Struktur kajang pula kebiasaannya menggunakan kayu membasah, mata keli, kelat dan buluh.



GAMBAR 10. Bantal balak dan brek
Sumber: Kajian lapangan



GAMBAR 11. Contoh kayu resak yang telah siap diproses dalam bentuk kepingan.
Sumber: Kajian lapangan

Maka, dapat dilihat di sini kayu yang sering digunakan adalah daripada kayu jenis resak. Kayu resak diambil daripada pokok resak dan ianya dikelaskan sebagai pokok kayu keras berat. Kayu gubalnya berwarna perang kekuningan muda, manakala teras kayunya berwarna perang kekuningan hingga perang kemerahan. Ianya lurus atau sedikit berpanca. Teksturnya halus dan rata. Kayu pokok ini sesuai untuk pembinaan berat seperti jambatan, cerucuk dan kerja dalam air. Ia juga sesuai digunakan untuk bahagian dalam kenderaan, selain perabot lasak dan kotak kayu.

Penggunaan kayu ini menjamin ketahanan dan boleh digunakan bertahun lamanya sebelum perlu diganti dengan yang baharu. Sulaiman Manan (2022) juga menyatakan, sekiranya menggunakan peralatan tukang yang lebih moden seperti mesin larik dan potong, tempoh sebulan diperlukan untuk menyiapkan sebuah kereta lembu. Manakala jika secara tradisional, masanya lebih lama, iaitu sekitar tiga bulan. Pendapat ini turut diakui oleh Samsudin Abdul (2022), pengusaha kereta lembu di Kampung Tambak Bugis, tempat di mana satu-satu pengusaha kereta lembu yang masih bertahan dan meneruskan legasi pembuatan kereta lembu menyatakan bahawa proses membuat sebuah kereta lembu memakan masa kira-kira satu ke tiga bulan untuk disiapkan sekiranya bahan mencukupi terutama kayu berkualiti bagi membuat badan kereta, tayar dan rangka kajang (bumbung) yang memerlukan beberapa jenis kayu supaya tahan lebih lama.

Pemilihan lembu untuk menarik kereta adalah penting kerana haiwan yang dipilih ini mesti mempunyai ketahanan dan kekuatan yang tinggi dan mampu membawa bebanan yang berat. Kerangka asas kereta lembu ini sahaja sememangnya berat serta ditambah lagi dengan bebanan yang harus di bawa. Justeru itu, jenis lembu yang dipilih ini adalah daripada jenis yang kuat dan tahan lasak. Lembu yang digunakan untuk menarik kereta biasanya terdiri daripada lembu kampung, lembu baka Kedah-Kelantan ataupun baka kacukan Siam (Noor Azimah & Fairus 2021). Lembu jantan dipilih untuk mengendalikan kereta lembu kerana sifat lembu ini lebih lasak berbanding lembu betina. Lembu ini seawal usia dua tahun telah dilatih untuk membawa bebanan bermula dengan yang kecil dan ringan sehingga yang besar dan berat. Di samping turut diajar beberapa kaedah berjalan antaranya berjalan terus, membelok, membrek, berhenti dan lain-lain. Isyarat-isyarat seperti bersiul, bunyi-bunyian digunakan semasa pengendalian latihan supaya lembu dapat memahami isyarat ini. Kemampuan lembu penarik ini adalah unik kerana boleh membawa atau menarik muatan yang penuh dan berjalan sejauh 7 kilometer dalam masa satu setengah jam (Mohd Kassim 1982). Keupayaan memilih dan melatih baka lembu terbaik daripada jenis baka lembu kampung, lembu baka Kedah-Kelantan atau baka kacukan Siam amat penting bagi menjamin ketahanan membawa dan menarik barang muatan.

PERBANDINGAN KERETA LEMBU DAHULU DAN SEKARANG


Rupa bentuk dan pembuatan kereta lembu pada masa dahulu tidaklah seindah dan semudah sekarang dengan kewujudan pelbagai inovasi peralatan dalam menyiapkan sebuah kereta lembu. Rupa bentuk kereta lembu Melaka telah mengalami evolusi perubahan. Fungsi asalnya adalah mengangkut muatan barang-barang seperti juga di negeri-negeri lain. Namun akibat pembangunan fungsinya telah berubah. Kereta lembu dahulu fungsinya membawa barang-barang daripada yang kecil dan ringan sehinggalah kepada yang bersaiz besar dan berat. Oleh itu, struktur reka bentuk kenderaan ini direka khas dengan ciri-ciri binaan yang kuat, kukuh dan mempunyai ketahanan yang tinggi. Dalam temu bual bersama Samsudin Abdul (2022), beliau menyatakan, kereta lembu Melaka merupakan pengangkutan lasak suatu ketika dahulu dan banyak digunakan bagi mengangkut barangan mahupun penumpang. Selaras dengan fungsinya yang pelbagai guna dan lasak, penggunaan kayu dan bahan dalam pembuatan sebuah kereta lembu juga diambil kira bagi menampung bebanan barangan yang boleh dibawanya.

Kereta lembu yang membawa penumpang atau pelancong ini mempunyai struktur binaan yang berbeza daripada kereta lembu mengangkut barangan kerana biasanya dilengkapi dengan atap sebagai perlindungan daripada terik matahari dan hujan dan sering kali dicat dengan warna terang bagi menambahkan keceriaan. Pengangkutan ini dahulu, bumbungnya tidak dicat dengan warna tertentu sebaliknya hanyalah warna asal daun tersebut dan tidak menarik. Selepas diangkat sebagai ikon pelancongan warisan budaya, pengusaha kereta lembu telah membuat pelbagai ciptaan dan inovasi yang baharu ke atas teknik pembuatan kereta lembu ini supaya ia dapat menjadi tarikan pelancongan. Antaranya membuat perubahan terhadap peti atau badan kereta lembu supaya lebih besar dan diletakkan kerusi di kiri dan kanan dalam ruang peti tersebut bagi membolehkan para penumpang untuk duduk. Bahagian peti atau badan kereta lembu dahulu ruangnya sempit kerana khusus untuk meletakkan barang-barang tetapi melalui penginovasian yang dibuat bahagian badan kereta lembu telah diubahsuai menjadi lebih luas bagi menempatkan tempat duduk penumpang di kiri dan kanan ruang badan kenderaan.

Begitu juga dengan kerangka kajang kereta lembu, dahulu buluh digunakan sebagai kerangkanya tetapi kini digantikan dengan besi kerana lebih kuat dan tahan lama. Kajang juga telah dihiaskan dengan lebih menarik serta dicat berwarna warni.



GAMBAR 12. Rupa bentuk kereta lembu Melaka zaman dahulu
Sumber: Wordpress



GAMBAR 13. A Malay Bullock Cart early 20th century
Sumber: National Museum of Singapore

Zaman melangkah maju dengan pengenalan kenderaan berenjin, beroda dan bertayar getah seperti motokar dan kereta, terdapat sebahagian kenderaan ini menggunakan roda tayar getah menggantikan tayar kayu dan besi. Ini kerana proses pembuatan roda besi sangat rumit dan mengambil masa yang lama berbanding dengan tayar getah yang mudah untuk dipasang dan bergerak lebih laju. Pada masa kini kereta lembu masih lagi mendapat tempat khususnya dalam aspek budaya dan pelancongan. Fungsinya lebih menjurus kepada membawa penumpang atau pelancong sebagai tarikan pelancong di negeri Melaka. Justeru itu, boleh dikatakan hanya negeri Melaka yang menawarkan tarikan pelancongan warisan kereta lembu Melaka berbanding negeri

lain. Sekali gus mampu merancakkan ekonomi sektor pelancongan di negeri ini.



GAMBAR 14. Rupa bentuk kereta lembu pada masa kini
Sumber: kajian lapangan



GAMBAR 14. Bahagian dalam peti @ badan kereta lembu pada masa kini yang lebih luas
Sumber: Kajian lapangan

Kemajuan sektor pelancongan di negeri Melaka serta pengenalan sub sektor pelancongan warisan budaya telah membawa pembaharuan kepada fungsi kereta lembu ini di mana fungsinya kini menjurus kepada aktiviti pelancongan (Noor

Azimah & Fairus 2021). Kelebihan Melaka sebagai negeri Warisan Dunia telah memberi nilai tambah kepada negeri ini untuk memperkayakan lagi produk pelancongan warisan budaya sebagai tarikan pelancongan dalam dan luar negara. Jika dilihat kereta lembu Melaka ini amat unik dan estetik dari segi reka bentuknya dan penuh dengan kehalusannya dari segi sudut pembuatannya yang kaya dengan unsur-unsur seni pertukangan Melayu.

WARISAN KEARIFAN TEMPATAN

Warisan sejarah kereta lembu merupakan antara produk warisan budaya negeri Melaka yang harus diangkat dan dipelihara kerana mempunyai nilai estetika yang tinggi yang dapat memberi impak yang besar kepada industri pelancongan budaya warisan Melaka (Zuliskandar Ramli et al. 2015). Kereta lembu sarat dengan nilai falsafah warisan budaya yang harus dipelihara supaya kekal lestari merentas zaman. Reka bentuk binaan kereta lembu dan seni pembuatannya yang halus penuh dengan perlambangan dan simbolisme budaya. Keupayaan menghasilkan kereta lembu tradisonal yang menarik ini yang dikatakan sebagai warisan kearifan tempatan.

Sehubungan itu, sebagai negeri yang memegang status Warisan Dunia, seharusnya Melaka perlu memberi penumpuan kepada kegiatan pemeliharaan terhadap warisan budaya yang sememangnya wujud di negeri ini. Kepelbagaian warisan budaya ketara yang boleh dinikmati di negeri Melaka seperti Rumah Melayu Melaka, tapak peninggalan sejarah, monumen sejarah menjadi penanda kebanggaan masyarakat tempatan dan tarikan pelancong luar negara. Affieza Arshad (2020) menyatakan, kereta lembu memang begitu sinonim dengan negeri Melaka bahkan ia menjadi ingatan masyarakat memandangkan kereta lembu merupakan pengangkutan utama yang menjadi lambang kemegahan di Melaka. Sekiranya ke Melaka pengalaman menaiki kereta lembu sememangnya menjadi satu kemestian dan ia diibaratkan tidak lengkap dan sempurna jika tidak menaikinya. Dalam konteks seni pembuatan kereta lembu, istilah yang sesuai untuk diberi perumpamaan adalah kepandaian tempatan. Individu yang mahir dalam pembuatan kereta lembu adalah tergolong dalam kategori individu yang 'genius' dan mempunyai nilai keintelektualan yang tinggi Muhammad Yusri & Muhammad Yusri dan Mohd Anuar Ramli (2020). Dalam takrifan ini 'genius' membawa maksud keintelektualan yang

istimewa, daya kreatif individu, kemahiran semula jadi manusia dan kepandaian istimewa seseorang.

Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi orang Melayu mempunyai nilai intelektual yang tinggi dalam apa jua bidang seperti Tukang Kahar yang mahir dalam bidang pertukangan Melayu, bukan sekadar kepakaran dalam pertukangan, sebaliknya masyarakat Nusantara juga sangat mahir dalam ilmu pelayaran antaranya Panglima Awang atau Henry the Black adalah seorang tokoh pelayaran Melayu awal mengelilingi dunia (Noor Syahidah et al. 2018). Proses pembuatan kereta lembu merupakan proses yang rumit dan memerlukan kepakaran yang tinggi. Bermula daripada menyiapkan bahagian bawah kenderaan ini yang sukar seperti roda sehinggalah kepada bahagian kajang atau bumbung penuh dengan ciri-ciri tradisi telah diwarisi daripada generasi terdahulu. Bukan semua pengusaha kereta lembu ini mempunyai kepakaran dalam membuat dan menghasilkan kereta lembu ini kerana ia memerlukan kemahiran dan kepandaian.

Menurut Sulaiman Manan (2022), seorang pengusaha kereta lembu di Kampung Balik Bukit menyatakan keupayaan dia dalam membuat dan menghasilkan kereta lembu ini diperturunkan daripada ayahnya yang merupakan seorang pengusaha kereta lembu dan hasil daripada menarik kereta lembu inilah yang menyara kehidupan mereka sekeluarga. Jadi tidak hairanlah ilmu yang diperturunkan kepadanya telah dimanfaatkan olehnya dengan membuat banyak kereta lembu. Pembuatan kereta lembu ini jika dilihat daripada keseluruhan struktur seni binanya penuh dengan kehalusan dan nilai kemelayuan.

KESIMPULAN

Kemahiran menghasilkan kereta lembu yang sangat unik dan menarik ini adalah kepandaian tempatan masyarakat dahulu. Masyarakat dahulu berupaya menyerapkan nilai falsafah Melayu dalam seni bina dan pertukangan kenderaan tradisional ini melalui pengalaman, kemahiran dan kepakaran yang dimiliki. Kemampuan yang dimiliki masyarakat dahulu dalam memilih kayu yang terbaik dan berkualiti dan baka lembu yang terbaik dan seterusnya melatihnya sehingga berjaya menarik bebanan sesungguhnya juga adalah satu kearifan tempatan. Kini legasi pewarisannya daripada kemahiran seni pembuatan sehinggalah kepada keupayaan memilih baka lembu dan kayu yang terbaik disambung kepada generasi yang baharu

yang memiliki keintelektualan dan kepandaian yang sama malah telah dikembangkan lagi melalui proses penginovasian. Kereta lembu tradisional mengangkat gabungan dua elemen iaitu keunikan dan pembuatan. Keunikan yang terserlah adalah yang mana kenderaan ini sarat dengan falsafah, estetika dan nilai intelektual Melayu. Garapan keunikan ini diterjemahkan dalam bentuk kemahiran dan kepandaian dalam seni pembuatan kereta lembu yang cantik, halus dan penuh keaslian. Justeru itu, seni pertukangan dalam membuat atau menghasilkan kereta lembu ini adalah kepandaian tempatan dan merupakan satu bentuk nilai intelektual yang tinggi yang harus disambung pewarisannya serta dilestarikan sebagai warisan kearifan tempatan.

RUJUKAN

- Abd Aziz A'zmi dan Farrah Wahida Mustafar. 2020. Keruntuhan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka Menurut Teori Kitaran Ibnu Khaldun. *Jurnal Tuah* 1:1-23.
- Abdul Khalid Md Dangit. 1979. Kereta lembu: Peranannya dalam masyarakat pertanian Melayu Melaka. *Jurnal Persatuan Sejarah* 8(4): 134-156.
- Aflieza Arshad. 2020. Replika kereta lembu simbolik junjung warisan. *Melaka Hari Ini*. 7 September.
- Borhan bin Md Yaman. 1989. Temasya Mandi Safar di Melaka. *Jurnal Sejarah Melaka* 11: 53-65
- BWM. 2008. Kuala Lumpur: Badan Warisan Malaysia.
- Er Ah Choy. 2013. Pembangunan plancongan lestari di Melaka: Perspektif plancong. *GEOGRAFIA* 9(3): 12 – 23.
- Mohd Kassim Ali. 1982. *Teknik Binaan Kereta Lembu Melaka: dahulu dan sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Mohd Samsudin & Sulong Mohamad. 2013. Pengaruh warisan sejarah dalam industri plancongan Langkawi. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 1(1): 99 – 109.
- Mohd Zulfadli B Md Maarof, Nordin B Hussin & Ahmad Ali B Seman. 2017. Sejarah Perkembangan Jalan Darat di Pahang Awal Abad Ke 20: *PROCEEDINGS: The 6th International Conference on Social Sciences and Humanities*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Yusri Yusof & Mohd Anuar Ramli. 2020. Pentakrifan kearifan tempatan: Suatu sorotan. *Jurnal Melayu* 19(2): 175-185.
- Nazneen Ismail, Nurhanisah Senin & Nurzatil Ismah Azizan. 2021. Kepercayaan masyarakat Hindu terhadap kesucian lembu: Satu kajian terhadap mahasiswa universiti. *Jurnal Pengajian Islam* 14 (Special Edition): 231-242.
- Nikmatul Adha Nordin & Rosilawati Zainol. 2013. Plancongan, Persepsi Awam dan Standard: Isu dan Cabaran bagi Melaka sebagai Bandaraya Warisan Bersejarah: Seminar Warisan Kebangsaan. Anjuran Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya.
- Noor Azimah Md Ali & Mohd Fairus Mamat. 2021. *Siri Khazanah Warisan Kereta Lembu Dari Melaka*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).
- Noor Syahidah Binti Mohamad Akhir, Siti Aisyah Binti Yusof & Azrul Shahimy Bin Mohd Yusof. 2018. *Model Kapal Dalam Al-Quran Dan Naskhah-Naskhah Melayu: TESSHI 2018 e-Proceedings*. Universiti Teknologi MARA.
- Nurul Izzati Md. Mustafa, Adnan Jusoh, Khairi Arrifin, Nabir Abdullah & Mohd. Kamal Kamaruddin. 2015. Penggunaan tenaga haiwan sebagai medium pengangkutan dalam masyarakat Melayu tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 3(2): 53-61.
- Pirasanah Sasidharan & Rahimah Wahid. 2021. Mengukur pembangunan plancongan warisan berdasarkan petunjuk plancongan lestari di Melaka Tengah. *Journal of Social Science (EJOSS)* 7(2): 66-81.
- Ramli bin Ahmad. 1998. *Siri Pencapaian Dalam Pengangkutan & Perhubungan*. Kuala Lumpur: Jade Green Publications Sdn.Bhd.
- Samsudin bin Abdul. 2022. Kereta Lembu Melaka. Temu bual, 27 Julai.
- Solihan Haji Badri. 1981. Kereta Lembu Melaka makin laju sejam 4 batu. *Berita Harian*, 13 Mei.
- Shukor bin Mat. 2007. Kepentingan dan peranan sebagai pusat perdagangan Perlis pada masa lampau. *Jurnal Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Perlis, Warisan Indera Kayangan* 19(2): 7-10.
- Sulaiman bin Manan. 2022. Sejarah dan pembuatan Kereta Lembu Melaka. Temu bual, 30 September.
- Zuliskandar Ramli, Mazlin Mokhtar, Muhammad Rizal Razman & Sharifah Zarina Syed Zakaria. 2015. *Plancongan Berasaskan Warisan Di Malaysia: Potensi Dan Cabaran: Prosiding Seminar Antarabangsa Ke 8: Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekitaran*. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norazlina Othman
 Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
 Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 Emel: p110757@siswa.ukm.edu.my

Zanisah Man
 Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
 Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 Emel: zanisahman@ukm.edu.my